

07/01/1998

MTIB, MTC anjur seminar kayu antarabangsa

LEMBAGA Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dengan kerjasama Majlis Kayu Malaysia (MTC) akan menganjurkan seminar mengenai kayu bertajuk Persidangan Kayu Antarabangsa '98 di Hotel Nikko, Kuala Lumpur bermula 5 hingga 7 Mac ini.

Seminar yang bertema Ke Arah Globalisasi dalam Industri Perindustrian Menjelang Alaf Akan Datang, katanya dalam satu kenyataan MTIB yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Matlamat seminar bertaraf antarabangsa itu dijangka menjadi forum peserta bertukar pandangan dan rangkaian idea serta strategi dan menilai potensi perniagaan dalam perdagangan kayu sejagat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan seminar itu.

Selain itu, kenyataan berkenaan berkata, sebanyak lapan kertas kerja akan disampaikan dan empat panel perbincangan diadakan oleh tokoh industri yang terkenal.

Katanya, antara tajuk kertas kerja yang akan dibincangkan ialah Aliran ekonomi sejagat dan kesannya ke atas industri perindustrian antarabangsa oleh Ketua Perhutanan Sejagat Kumpulan Bank Dunia, Jim Douglas.

Kertas kerja lain ialah Prospek dan cabaran dalam bekalan serta permintaan kayu pada pasaran sejagat oleh Penganalisis Kanan Perdagangan Pertubuhan Perhutanan, Makanan dan Pertanian (FAO), Dr I J Bourke.

Selain itu kertas kerja bertajuk Kajian keseluruhan perdagangan antarabangsa dalam produk kayu: peluang dan tekanan untuk meningkatkan eksport perabot kayu akan dibentangkan oleh Pegawai Pembangunan Pasaran Kanan Pusat Perdagangan Antarabangsa (ITC), J L Albaladejo.

Sehubungan itu, MTIB menjemput peserta industri termasuk persatuan, pengimport, pengeksport dan agensi bukan kerajaan yang berminat untuk menyertai seminar itu.

Penganjur mengenakan yuran sebanyak RM2,125 (AS\$500) dan RM500 masing-masing untuk peserta asing dan tempatan.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Sekretariat, MTIB, Tkt 13-17, Menara PGRM atau menghubungi nombor telefon 03-9822235 atau faksimili 03-9851477.

(END)